



Headline: Pesara guru rugi RM516,457 ditipu sindiket Language: Malay
'Macau Scam'

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 24 June 2020

Section: Tempatan
Page: 2

Pesara guru rugi RM516,457 ditipu sindiket 'Macau Scam'

Mangsa ketakutan dituduh kononnya terlibat judi dalam talian

Oleh Mastura Ismail

LIMBANG: Hasrat seorang pesara guru untuk menikmati duit penceennya berkecaci apabila kerugian RM516,457 ditipu sindiket 'Macau Scam' yang menyamar sebagai pegawai Telekom Malaysia (TM) dan pegawai polis antara Mac dan 22 Mei tahun ini.

Mangsa berusia 61 tahun dari Kampung Berawan Batu 6, Jalan Kubong di sini membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Limbang pada jam 12.30 tengah hari Sabtu lepas.

Ketua Polis Daerah Limbang Superintenden Abang Zainal Abidin Abang Ahmad berkata, sebelum kejadian mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki mendakwa sebagai seorang pegawai TM Malaysia yang akan memotong talian telefonnya kerana disyaki terlibat dengan kegiatan judi dalam talian bersama seorang lelaki lain.

Menurutnya, mangsa kemudian disambungkan kepada seorang anggota polis



ABANG ZAINAL ABIDIN

di Kuantan, Pahang bernama 'Sarjan Zulkifli Atot.'

"Sarjan Zulkifli Atot" kononnya telah membuat semakan dan mendapati pengaduan menerima dana daripada sebuah bank berjumlah RM200,000 hasil daripada aktiviti judi haram.

"Untuk mengelak tindakan undang-undang, mangsa diarahkan menghubungi 'Inspektor Siti Nur Milah Jamil,' jika kes ini tidak diselesaikan, pihak polis tidak akan memberi jaminan kes-

“Kerana takut diambil tindakan undang-undang, mangsa telah mengikut arahan sindiket tersebut dan diperdaya untuk menyerahkan wang sehingga mengalami kerugian RM516,457. **”**

Superintenden Abang Zainal Abidin Abang Ahmad
Ketua Polis Daerah Limbang

elamatkan kepada mangsa," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Abang Zainal berkata, mangsa dijanjikan oleh 'Inspektor Siti Nur Milah Jamil' bahawa pihak polis akan melantik pihak AMLA untuk menjalankan siasatan dana wang mangsa dengan syarat mangsa menyerahkan semua wang di dalam bank kepada mereka.

"Kerana takut diambil tindakan undang-undang, mangsa telah mengikut arahan sindiket tersebut dan diperdaya untuk menyerahkan wang sehingga mengalami kerugian RM516,457.

"Mangsa telah memin-

dahkan wangnya daripada akaun Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) sebanyak RM265,000 ke akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) miliknya," katanya.

Jelasnya, wang daripada akaun BSN terbabit dimasukkan ke akaun bank yang diberikan oleh suspek secara berperingkat dengan pemindahan dilakukan menerusi cara tunai di kaunter bank, pemindahan di mesin ATM menggunakan kad debit, melalui mesin deposit tunai dan pemindahan menggunakan nombor TAC.

Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.